

Ekonomi negara dijangka tumbuh 7.5%

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 13 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ekonomi negara bagi suku kedua tahun ini dijangka mencatat pertumbuhan 7.5 peratus. Pertumbuhan itu akan disokong oleh sektor swasta terhadap langkah kerajaan mengurus perbelanjaan secara berhemah dan berdisiplin.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa kombinasi Perbendaharaan dan agensi-agensi lain dalam menguruskan ekonomi kini memuktikan yang negara telah mencapai satu pertumbuhan yang melegakan.

"Pertumbuhan ekonomi negara pada suku pertama ialah 7.6 peratus. Ada harapan pada suku kedua kita akan mencapai satu pertumbuhan yang lebih daripada tujuh peratus, mungkin 8.0 peratus," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbendaharaan Tahun 2003 di Putrajaya semalam.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak 7.6 peratus yang dicatatkan pada suku pertama tahun ini merupakan yang tertinggi sejak tahun 2000.

Abdullah turut menarik perhatian bahawa

rizab asing juga kini dalam tahap yang baik iaitu pada AS\$53.9 bilion (RM204.82 bilion).

Sehubungan itu, katanya, tidak menghairankan apabila penganalisis ekonomi menyifatkan ekonomi Malaysia kini berada di tahap yang lebih kukuh daripada sebelumnya.

Dalam hal ini, beliau mengucapkan syabas kepada warga Perbendaharaan kerana telah memungkinkan kejayaan itu dicapai walaupun mengakui pada peringkat awal agak sukar untuk meyakinkan pelbagai pihak terhadap pendekatan yang diambil oleh kerajaan.

"Kita sedar dan faham dengan negara menghadapi defisit, kita tetapkan pendekatan (menanganinya) ialah menguruskan perbelanjaan negara dengan berhemah dan berdisiplin.

"Dengan itu kita saksikan defisit tidak meningkat dengan besar bahkan beransur-ansur dapat dikurangkan," katanya.

Menurut Abdullah, sungguhpun kerajaan mengambil pendekatan untuk mengurus perbelanjaan secara berhemah, ia tidak dapat dikurangkan secara mendadak kerana dikhuatiri akan memberi kesan buruk kepada ekonomi.

Disebabkan itu, katanya, kerajaan bertindak menyusun semula projek-projek termasuk yang telah dianugerahkan surat hasrat (LOI) dan dikeluarkan tender tetapi belum memulakan kerja untuk ditentukan mengikut keutamaan.

"Banyak orang risau dengan apa yang berlaku. Adakah kita tidak ada wang langsung. Begitu juga apabila dilihat kita mengurangkan projek-projek.

"Mereka tidak tahu, kita membuat penyusunan semula," katanya.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan mempunyai RM8.5 bilion untuk dibelanjakan kepada projek-projek keutamaan yang mampu memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru dalam hal ini, beliau mengingatkan Perbendaharaan sebagai agensi yang bertanggungjawab mengagihkan peruntukan tersebut supaya tidak pula melambatkan urusan kelulusan atau pemberian perbelanjaan bagi projek-projek yang telah diluluskan di bawah pelbagai kementerian.

"Banyak perkara yang mesti diputuskan di Perbendaharaan. Oleh itu, Kementerian Kewangan walaupun faham tugasnya sebagai penyelia, mesti memastikan juga menjadi fasilitator yang baik yang membantu mempercepatkan keputusan-keputusan yang diambil.

"Kita tidak mahu lagi mendengar ada rungutan tentang kelewatan (pelaksanaan sesuatu projek kerana masalah) di pihak Perbendaharaan," katanya.



ABDULLAH AHMAD BADAWI menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada Omi Habibah Shariff pada majlis Perhimpunan Bulanan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbendaharaan 2003 di Putrajaya, semalam. — Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI